

## Apa yang Perlu Anda Jangkakan di CLIMB?

Pembantu kesihatan kami akan membuat saringan neuropsikiatri di klinik atau wad dengan menggunakan pelbagai ujian penilaian.

Sekiranya saringan ini menunjukkan bahawa anda mengalami gejala-gejala neuropsikiatri, anda akan dirujuk kepada pakar psikiatri, pakar psikologi atau pakar perubatan dan kesihatan yang lain untuk rawatan yang selanjutnya.

Seterusnya, kami akan menjalankan tinjauan selama satu tahun untuk memastikan keadaan anda stabil, rawatan yang diberikan berkesan dan rawatan yang lebih rapi boleh ditawarkan dengan sewajarnya.

Sekiranya anda mengesyaki bahawa anda mengalami gejala-gejala tersebut, berbincanglah dengan doktor anda untuk memperoleh maklumat dan bantuan yang sewajarnya.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi +(65) 8938 1489 pada waktu pejabat.

### Program CLIMB

Telefon:

8938 1489

Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi – 5.30 petang



Sila imbas kod QR dengan menggunakan telefon bimbit anda untuk mendapatkan maklumat dalam talian atau kunjungi <http://bit.ly/TTSHHealth-Library>

Adakah maklumat ini dapat membantu anda? Jika anda mempunyai sebarang maklum balas, sila hantarkan emel kepada [patienteducation@ttsh.com.sg](mailto:patienteducation@ttsh.com.sg)

Jabatan  
**PSIKIATRI**

**Perkhidmatan Pakar Kesihatan  
Minda dan Otak (CLIMB)**



## Apakah Neuropsikiatri?

Neuropsikiatri merupakan bidang perubatan yang menjurus kepada penilaian, rawatan dan pengurusan penyakit psikiatri dan neurologi.

## Apakah Jenis Penyakit Neuropsikiatri Yang Lazim?

Contoh penyakit neuropsikiatri lazim yang membawa kepada gejala-gejala neuropsikiatri termasuk:

- Kecederaan traumatik otak\*
- Strok\*
- Penyakit Parkinson
- Epilepsi
- Penyakit Alzheimer
- Kesan sampingan terhadap ubat, atau kesan penyalahgunaan dadah

## Apakah CLIMB?


Perkhidmatan Pakar Kesihatan Minda dan Otak (CLIMB) merupakan program untuk pesakit neuropsikiatri yang mengalami kesukaran pengurusan emosi, tingkah laku, kognisi dan tidur.

## Perkhidmatan CLIMB termasuk:

- Saringan dan intervensi
- Pemantauan keberkesanan rawatan secara aktif
- Kerjasama dengan pakar kesihatan dan pihak masyarakat yang lain
- Penyelidikan
- Pendidikan kepada pesakit dan penjaga

\* Penyakit-penyakit ini kini dalam jangkauan perkhidmatan kami. CLIMB akan memperluas perkhidmatan agar merangkumi penyakit lain yang tersenarai pada masa hadapan.

## Proses Program CLIMB



## Apakah Contoh-Contoh Gejala Neuropsikiatri?

Penyakit neurologi mengakibatkan perubahan mendadak dalam kehidupan pesakit, dan sering menyebabkan gangguan emosi dan tingkah laku.

Perasaan sedih atau bimbang merupakan sebahagian daripada ragam kehidupan. Namun begitu, gangguan emosi yang terlampau memang sukar dikawal dan ditangani. Gejala-gejala emosi dan tingkah laku yang lain mungkin turut berlaku.

Gejala-gejala tersebut mungkin berbeza dalam kalangan pesakit dan boleh berubah mengikut masa. Secara umumnya, pesakit dan keluarga mereka perlu meneliti kehadiran tanda-tanda berikut:



### 1. Emosi:

- Kesedihan, kegelisahan atau emosi "kosong" yang berterusan
- Hilang minat, tidak gembira, dan/atau tiada motivasi
- Kurang bertenaga, letih, rasa "perlahan"
- Peningkatan rasa marah, terjengkel atau kecewa
- Perasaan takut yang berterusan terhadap benda-benda negatif
- Perasaan panik atau kerisauan yang berlebihan



### 2. Tingkah Laku:

- Gangguan tidur (terlalu banyak/terlalu kurang tidur)
- Perubahan selera
- Keresahan
- Kurang emosi atau tidak ekspresif
- Perubahan sifat keperibadian
- Ketawa atau tangisan yang tidak normal
- Halusinasi atau khayalan



### 3. Kognitif:

- Sukar menumpukan perhatian, mengingat, membuat keputusan
- Tidak dapat menjalankan kegiatan harian sebagaimana sebelum kecederaan atau sebelum ditimpa penyakit